

UCAPAN ALU-ALUAN

**KETUA PENGARAH
BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG – UNDANG
JABATAN PERDANA MENTERI**

**KOLOKIUIM TIMBANG TARA ANTARABANGSA 2023:
KEDAULATAN DAN KEKEBALAN NEGARA DALAM TIMBANG
TARA KOMERSIL**

**4 JULAI 2023, SABAH INTERNATIONAL CONVENTION CENTRE
(SICC), SABAH**

(salutasi)

YAB Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Noor
Ketua Menteri Sabah

YB Dato' Sri Azalina binti Othman Said
Menteri di Jabatan Perdana Menteri
(Undang-undang & Reformasi Institusi)

YBhg. Senator Tan Sri Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar
Yang Di-Pertua Dewan Negara

YB Datuk Armizan bin Mohd Ali
Menteri di Jabatan Perdana Menteri
(Hal Ehwat Sabah, Sarawak Dan Tugas-tugas Khas)

YBhg. Datuk Haji Kadzim bin Yahya
Yang Di-Pertua Dewan Negeri Sabah

YB Timbalan-timbalan Menteri Kerajaan Persekutuan,

YB Dato' Seri Panglima Hj Safar Untung
Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah

YB Ahli-ahli Parlimen dan YB Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Sabah,

Dif-dif kehormat dan tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

1. Mewakili pihak urus setia, saya terlebih dahulu ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Noor, Ketua Menteri Sabah, dan semua dif-dif kehormat, khususnya pemimpin-pemimpin Kerajaan Negeri Sabah yang sudi hadir dan memberikan sokongan ke atas penganjuran **Kolokium Timbang Tara Antarabangsa 2023: Kedaulatan dan Kekebalan Negara Dalam Timbang Tara Komersil** pada hari ini, yang dianjurkan secara bersama oleh Bahagian Hal Ehwal Undang-undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU JPM), Institut Kajian Pembangunan (IDS) Sabah dan Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia (AIAC).

Yang Amat Berhormat Datuk Seri Panglima dan hadirin sekalian,

2. Objektif utama Kolokium ini diadakan adalah untuk membincangkan pelbagai isu berkaitan kes tuntutan pihak yang mendakwa sebagai waris Kesultanan Sulu dari perspektif sejarah dan perundangan khususnya isu-isu berkaitan perjanjian 1878 antara Sultan sulu dan *North Borneo Company (Macaskie Judgement* 1939) dan 1908, implikasi *New York Convention* 1958 dan kekebalan kedaulatan (*sovereign immunity*) serta prosedur timbang tara berkenaan kes ini termasuklah penyalahgunaan proses timbang tara yang sedia ada.
3. Kehadiran serta sokongan pemimpin-pemimpin Kerajaan Negeri sudah tentunya akan meningkatkan moral dan semangat kami, di Bahagian Hal Ehwal Undang-undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU JPM) dan Jabatan Peguam Negara serta Kementerian/agensi yang lain selaku agensi peneraju utama

dalam menguruskan tuntutan pihak-pihak yang mendakwa sebagai waris Kesultanan Sulu. Alhamdulillah jumlah peserta dan tetamu khas yang hadir pada hari ini adalah seramai 708 orang dan ia di luar jangkaan pihak urus setia.

4. Sebagai makluman semua hadirin, Kolokium ini akan dibahagikan kepada tiga sesi utama iaitu:

Sesi 1: *The Sulu Case: Discovering The Missing Puzzles*. Sesi ini akan membincangkan isu-isu sejarah termasuk Kesultanan Sulu, peranan *North Borneo Company* dan pembentukan Malaysia.

Sesi 2 pula bertajuk “The Sulu Case: Time to Preserve Sovereign Immunity?” perbincangan akan melihat dari aspek perundangan berkaitan kekebalan sesebuah negara yang berdaulat seperti Malaysia termasuk mengkaji konsep Akta Kekebalan Negara, atau State Sovereignty Act yang sesuai untuk Malaysia.

Manakala Sesi 3: *The Sulu Case: Its Effects on the New York Convention and The Global Arbitral System* akan mengupas isu tuntutan pihak-pihak yang berkaitan dan prinsip-prinsip di bawah *New York Convention* 1958.

5. Barisan panel pula terdiri daripada pakara-pakar perundangan khususnya berkaitan perundangan antarabangsa dan arbitrase. Sesi dijangka berakhir pada jam 5.00 petang dengan ucapan penutup oleh Senator Tan Sri Anifah Aman, bekas menteri Luar Negeri, merangkap ahli sekretariat khas Sulu.

Yang Amat Berhormat Datuk Seri Panglima dan hadirin hadirat sekalian,

6. Sebelum mengundur diri, bagi pihak urus setia, sekali lagi saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua jemputan yang hadir dan memberikan sokongan kepada Kolokium Timbang Tara Antarabangsa 2023: Kedaulatan dan Kekebalan Negara Dalam Timbang Tara Komersil.

Sekian, wassalam.